



# Wahana AKADEMIK

JURNAL ■ UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA ■ CAWANGAN KEDAH ■ KAMPUS SUNGAI PETANI

Vol. 2 No. 1 ■ Jun 2003

BHG TERRITIAN BEHRU  
PEAR, UTM, SHAH ALAM

17 FEB 2004

DITERIMA

- Addressing Metaphors and Symbols In An ESL Reading Comprehension Class.
- Corporate Financial Reporting : The Challenges In The New Millennium.
- Focussing On Teacher Talk In Motivating Students In The English Language Classroom At Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- Genocide.
- How Can Three Dimensional Computing Inform The Industrial Design Process.
- Improving Mathematics Teaching And Learning.
- Kesedaran Pendidik Terhadap Elemen ISO 9000 — Kajian Awal Di Hulu Perak.
- Pembangunan Manusia Dari Perspektif Ekonomi Islam.
- Sistem Ekonomi Islam : Definisi, Falsafah Dan Masalah Asas Ekonomi.
- Ta'liq Agreement : A Proposal For Reformation.
- Extending Vocabulary The Fun Way.

*Hadiyah*  
**UiTM**  
**(KEDAH)**

ISSN 1675 — 2414





JURNAL ■ UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA ■ CAWANGAN KEDAH ■ KAMPUS SUNGAI PETANI

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah  
Kampus Sungai Petani  
Peti Surat 187  
08400 Merbok  
KEDAH DARUL AMAN

# **WAHANA AKADEMIK**

*Jurnal*  
**Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah**  
**Kampus Sungai Petani**  
**Vol. 2, No. 1, Jun 2003**

## ***JURNALINI DITERBITKAN SEKALI DALAM SETAHUN***

Objektif utama jurnal ini diterbitkan ialah untuk menggalakkan kakitangan akademik menerbitkan penulisan ilmiah bagi menambah bahan bacaan yang meliputi ilmu dari pelbagai bidang. Selain itu, usaha ini dibuat agar budaya penulisan dapat dipupuk di kalangan kakitangan akademik sesuai dengan tarafnya sebagai sebuah universiti.

### **Diterbitkan oleh:**

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah  
Kampus Sungai Petani  
Peti Surat 187  
08400 Merbok  
KEDAH DARUL AMAN

- © Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, isi kandungan jurnal ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit.

**JAWATANKUASA JURNAL AKADEMIK  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH  
KAMPUS SUNGAI PETANI**

**Penaung**

*Pengarah Kampus  
UiTM Cawangan Kedah  
Prof. Madya Dr. Zaliha Hj. Hussin*

**Penasihat**

*Timbalan Pengarah Kampus  
Bahagian Hal Ehwal Akademik  
Puan Zauyah Abd. Razak*

**Ketua Penyunting**

*Puan Wan Faizah Wan Abdullah*

**Penyunting**

*Puan Normala Ismail  
Puan Ho Chui Chui  
Puan Siti Salmah Abu Bakar  
Puan Noor Saliza Zainal  
Puan Maznah bt. Wan Omar  
Encik Francis Xavier a/l A.S. Rajoo  
Puan Angayar Kanni a/p Ramaiah  
Encil Abdul Latif Abdul Rahman*

**Pegawai Penerbitan**

*Puan Azizah Khasim*

**Editor Kerja**

*Puan Azizah Ismail*

## **KANDUNGAN**

Dari Ketua Penyunting	i
Addressing Metaphors and Symbols In An ESL Reading Comprehension Class	1
 <i>Mak Kem Seng</i>	
Corporate Financial Reporting: The Challenges In The New Millennium	11
 <i>Norasnila Awang Roshima Said</i>	
Focussing On Teacher Talk In Motivating Students In The English Language Classroom At Universiti Teknologi MARA (UiTM)	19
 <i>Alauyah Johari</i>	
Genocide	31
 <i>Mohamad Sabri Yusoh</i>	
How Can Three Dimensional Computing Inform The Industrial Design Process	41
 <i>Shahriman Zainal Abidin</i>	
Improving Mathematics Teaching And Learning	48
 <i>Wan Zulkipli Wan Salleh Wan Siti Esah Che Hussain</i>	
Kesedaran Pendidik Terhadap Elemen ISO 9000 – Kajian Awal Di Hulu Perak	56
 <i>Sofiah Molek Lope Aman Shah Mohd Razif Ibrahim</i>	

Pembangunan Manusia Dari Perspektif Ekonomi Islam	67
<i>Noor Saliza Zainal</i>	
Sistem Ekonomi Islam: Definisi, Falsafah Dan Masalah Asas Ekonomi	74
<i>Normala Ismail</i>	
Ta'liq Agreement: A Proposal For Reformation	85
<i>Nor Fadzlina Nawi</i>	
Extending Vocabulary The Fun Way	99
<i>Ho Chui Chui</i>	

## **DARIPADA KETUA PENYUNTING**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Y.A.B. Dato' Seri Setia Di Raja Dato' Seri Syed Razak Syed Zain, Menteri Besar Kedah telah melakukan lawatan rasmi ke UiTM Cawangan Kedah pada 3 Julai 2003 yang lalu. Sempena lawatan beliau, Pengarah Kampus telah memberi taklimat mengenai kemajuan dan sumbangan UiTM Cawangan Kedah melalui penyelidikan dan perundingan terhadap negara khususnya negeri Kedah. Kata alu-aluan Y. Bhg. Dato' Naib Canselor UiTM dalam buku "UiTM Kedah Sepintas Lalu" sempena lawatan Menteri Besar Kedah telah menekankan peranan UiTM terhadap negara terutamanya dalam bidang penyelidikan dan perundingan untuk membantu kerajaan negeri bagi memajukan negeri masing-masing. Oleh itu, satu saluran perlu diwujudkan bagi mendokumentasikan hasilan penyelidikan dan perundingan supaya ianya boleh dijadikan sumber rujukan oleh semua pihak yang berminat.

Justeru itu, UiTM Kedah telah menerbitkan jurnal akademik bertajuk 'Wahana Akademik' untuk menampung keperluan penerbitan tersebut. Untuk itu, Jawatankuasa Jurnal Akademik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah amat mengalu-alukan hasilan penulisan akademik samaada hasil penyelidikan dan perundingan ataupun analisa '*literature*' untuk dimuatkan dalam penerbitannya.

***Wan Faizah Wan Abdullah***

# **SISTEM EKONOMI ISLAM: DEFINISI, FALSAFAH DAN MASALAH ASAS EKONOMI**

**NORMALA ISMAIL**

*Pensyarah Ekonomi  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah  
Kampus Sungai Petani*

## **ABSTRAK**

*Perbincangan mengenai falsafah sesuatu sistem ekonomi amat relevan kerana idea dan falsafah akan membentuk pemikiran, aspirasi, sikap dan penubuhan institusi untuk menyokong sekaligus merealisasikannya. Artikel ini menjelaskan definisi, falsafah dan prinsip ekonomi Islam secara komperatif dengan sistem ekonomi konvensional.*

**Kunci Kata :** *Definisi, Falsafah, Masalah Asas Ekonomi, Sistem Ekonomi Islam, Sistem Ekonomi Konvensional*

## **PENGENALAN**

Islam bermaksud penyerahan, keselamatan dan kesejahteraan. Apabila seorang muslim menyerah dan mengabdi sepenuhnya kepada Allah SWT, beliau akan memperolehi keselamatan, kesejahteraan dan ketenangan bukan sahaja untuk dirinya sendiri, malah hubungannya sesama manusia dan alam semesta secara keseluruhan. Keadaan ini tidak mustahil untuk dicapai kerana Islam adalah agama kebenaran yang telah dijanjikan oleh Allah SWT dengan limpahan nikmat. Di dalam Surah Al - Maidah, ayat 48, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*“Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (Al - Quran) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya Kitab - Kitab Suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka, jalankanlah hukum di antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu), dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyelewengi) dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran. Bagi tiap - tiap umat yang ada di antara kamu, Kamijadikan (tetapkan) suatu Syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti). Dan kalau Allah mengkehendaki nescaya ia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi ia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu, berlumba - lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal salih). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka ia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya.”*

Ayat Al - Quran yang diturunkan di Mekah ini dengan jelasnya menolak amalan ekonomi yang wujud ketika itu. Sekaligus ianya memberi gambaran awal tentang sistem ekonomi yang perlu ditegakkan selaras dengan tuntutan Islam dan Allah SWT.

## **DEFINISI EKONOMI ISLAM**

Bermula daripada Adam Smith, definisi ilmu ekonomi konvensional telah melalui pelbagai perubahan dan perkembangan. Secara umum, ahli ekonomi konvensional mendefinisikan ekonomi sebagai sains kekurangan seperti ungkapan definisi ekonomi yang diberikan oleh Samuelson dan Nordhaus (1985):

*"Economics is the study of how people and society choose to employ scarce resources that could have alternative uses in order to produce various commodities and to distribute them for consumption, now and in the future among various persons and groups in society."*

Ilmu ekonomi konvensional dianggap sebagai suatu kajian sains sosial di mana iaanya mengkaji mengenai gelagat ekonomi manusia dengan menggunakan kaedah saintifik. Dalam erti kata lain, fokus pengkajian ilmu ekonomi konvensional adalah manusia itu sendiri dan manusia berkenaan pula merujuk kepada individu ekonomi, di mana tindakan mahupun keputusan yang dilakukan oleh mereka adalah berasaskan prinsip kerasionalan.

Case dan Fair (1992) berpendapat bahawa prinsip kerasionalan pula merujuk kepada cara bagaimanakah individu ekonomi melakukan pilihan untuk mencapai matlamat yang mereka tetapkan, iaitu memaksimakan kepuasan. Menurut mereka, individu yang rasional adalah individu yang membuat pilihan secara konsisten dan sekaligus memilih alternatif yang terbaik untuk memenuhi matlamat yang ingin dicapai. Tetapi, di dalam membuat keputusan, individu ekonomi konvensional dianggap bebas nilai di mana pilihan yang dilakukan adalah semata - mata didorong oleh pertimbangan akal untuk mencapai 'kejayaan ekonomi'. 'Kejayaan ekonomi' pula dibataskan pengertiannya kepada 'membuat wang daripada manusia'.

Tegasnya, individu ekonomi konvensional diberi sepenuh kebebasan untuk bertindak tanpa bimbingan wahyu mahupun nilai - nilai agama yang kudus ('sacred') di dalam mencari sesuatu yang terbaik bagi memenuhi matlamat mereka yang bersifat material semata - mata. Keadaan ini sama sekali berbeza dengan sistem ekonomi Islam. Pelbagai definisi ekonomi Islam telah dikemukakan oleh para sarjana Islam. M. Akram Khan (1983) sebagai contohnya telah mendefinisikan ekonomi Islam sebagai:

*"Pengkajian ke atas pencapaian 'falih' manusia melalui penguasaan sumber bumi di atas dasar kerjasama dan penyertaan."*

Manakala, Masudul Alam Choudhury (1986) pula mentakrifkannya sebagai:

*"Pengkajian sejarah, empirik dan berteori yang akan menganalisa keperluan manusia dan masyarakat dalam pancaran panduan sistem nilai - nilai Islam."*

M. A. Mannan (1980) pula mentakrifkan definisi ekonomi Islam sebagai:

*"A social science, which studies the economic problem of a people, imbued with the values of Islam."*

Berdasarkan kepada beberapa pendefinisan di atas, maka dapatlah disimpulkan bahawa di dalam Islam:

- (a) Pengkajian ekonominya adalah dianggap sebagai suatu kajian sains sosial.
- (b) Fokus pengkajiannya adalah manusia itu sendiri.
- (c) Matlamat terakhir individu di dalam ekonomi Islam adalah untuk memperolehi ‘Al - Falah.’

Walau pun, ekonomi Islam adalah merupakan sains sosial namun ianya berbeza dengan ekonomi konvensional. Misalnya, ekonomi Islam mengambil kira kesan sosial dan moral dalam kegiatan ekonominya seperti pengeluaran, pengagihan dan penggunaan. Perhatian bukan sahaja diberikan terhadap pengeluaran barang dan perkhidmatan untuk dipasarkan, tetapi juga kesan sosial dan moral barang serta perkhidmatan tersebut yang mempunyai kaitan dengan kualiti kehidupan dan kesejahteraan manusia sejagat.

Selain itu, sekiranya ekonomi konvensional mewujudkan konsep '*Homo Economicus*' (manusia ekonomi), maka ekonomi Islam pula melahirkan konsep '*Homo Islamicus*' (manusia Islam), yakni Islam menganggap manusia sebagai khalifah Allah SWT dan tidak akan membiarkan mereka bertindak sesuka hati menurut pertimbangan akal serta nafsu semata - mata tanpa bimbingan Allah SWT. Menurut Islam, manusia yang merasakan diri mereka serba cukup dan tidak lagi memerlukan bimbingan Allah SWT adalah golongan yang melampau dan mereka lah yang bertanggungjawab melakukan kerosakan dunia ini seperti mana firman Allah SWT di dalam Surah Al - Alaq, ayat 6 - 7, yang bermaksud:

*“Ingatlah! Sesungguhnya jenis manusia tetap melampaui batas (yang sepatutnya atau yang sewajibnya), dengan sebab ia melihat dirinya sudah cukup apa yang dihajatinya.”*

Oleh yang demikian, setiap muslim mestilah melandaskan kehidupan mereka kepada nilai - nilai agama. Bagaimana pun, ini tidaklah bermakna bahawa mereka tidak rasional seperti fahaman sistem ekonomi konvensional. Islam mengarahkan penggunaan akal secara total. Malah, terdapat banyak ayat - ayat Al - Quran yang mengarahkan manusia supaya berfikir dan menggunakan akal mereka dengan sewajarnya. Akal yang dikurniakan Allah SWT adalah pelengkap kepada segala rahsia ilmu pengetahuan manusia. Ianya merupakan asas yang kuat untuk kehidupan beragama seperti mana maksud hadis Riwayat Bukhari:

*“Tidak ada agama bagi orang yang tidak berakal.”*

Tujuan '*Homo Islamicus*' dalam keseluruhan aktiviti ekonominya adalah untuk memperolehi ‘Al - Falah,’ iaitu kejayaan di dunia dan di akhirat. Dan ianya hanya akan dapat diperolehi dengan memastikan bahawa segala kegiatan ekonomi yang dilakukan oleh individu ekonomi Islam adalah diredhai Allah SWT. Keadaan ini memberi gambaran bahawa ekonomi Islam menekankan pertimbangan nilai dalam pemilihan matlamat, berbeza dengan ekonomi konvensional (Samuelson dan Nordhaus, 1985):

*"The subject - matter of economics is essentially a relationship between ends conceived as tendencies to conduct, on the one hand and the technical and social environment on the other. Ends as such do not form part of the subject matter. Nor does the technical and social environment. It is the relationships between these things and not the things in themselves, which are important for the economist."*

### **FALSAFAH SISTEM EKONOMI ISLAM, KAPITALIS DAN SOSIALIS**

Falsafah sistem ekonomi Islam adalah berlandaskan kepada konsep tauhid yang bermaksud, 'Allah SWT yang Esa.' Ianya menjelaskan perhubungan manusia yang bersifat dua - hala ('two - dimensional') iaitu:

- (a) Perhubungan manusia dengan Penciptanya ('Hablumminallah').
- (b) Perhubungan manusia sesama manusia dan alam semesta ('Hablumminannas').

Konsep tauhid merujuk kepada pengabdian sepenuhnya manusia kepada kehendak Allah SWT, yang menuntut seorang muslim mencorakkan kehidupan mereka berdasarkan undang - undang ('syariat') dan ketentuan Allah SWT. Muhammed Nejatullah Siddiqi (1979) menjelaskan pengertian tauhid sebagai:

*"Tauhid is man's commitment to Allah, the focus of all His reverence and gratitude, the only source of value. What Allah desires of man becomes values for him, the end of human endeavor. Man, who commits himself to the will of Allah, recognizes no authority except His and accepts no guidance other than His. This commitment is total as well as positive and vigorous. It involves love and worship, obedience and submission combined with an eagerness to do His will and the sense of a mission."*

Konsep tauhid menjelaskan bahawa hubungan sesama manusia Islam berjalan di atas dasar keadilan dan persaudaraan. Masing - masing akan berusaha untuk berlaku adil di dalam kegiatan yang dilakukan kerana menyedari bahawa manusia lain itu adalah saudara bagi mereka.

Konsep ini juga turut menjelaskan hubungan di antara manusia dengan alam semesta. Mengikut Islam, sumber alam yang bersifat material merupakan suatu alat memenuhi tuntutan rohani. Ianya dianggap oleh Islam sebagai nikmat Allah SWT yang tidak sepatutnya disalahgunakan. Kegagalan untuk memanfaatkan sumber material tersebut dianggap sebagai mengkufuri nikmat Allah SWT. Oleh yang demikian, sebarang kegiatan termasuk kegiatan ekonomi seperti pengeluaran, pengagihan dan penggunaan adalah merupakan suatu ibadah di dalam Islam.

Keadaan ini sama sekali berbeza dengan asas falsafah sistem ekonomi Kapitalis dan sistem ekonomi Sosialis. Monzer Kahf (1978) umpamanya, merumuskan asas falsafah sistem ekonomi Kapitalis sebagai:

*"In Capitalism, the economics philosophy is reflected in the 'laissez faire' and the invisible hand. This implies that there should be no restriction or limitation on man's pursuit of his own benefit and that if men are left free to do what pleases them, then the utilities of all individual are harmonious."*

Berbanding dengan sistem ekonomi Kapitalis, asas falsafah sistem ekonomi Sosialis pula disimpulkan oleh Monzer Kahf (1978) sebagai:

*"In Marxism, the economic philosophy is presented by the concepts of class struggle and class contradiction. Out of this contradiction and struggle arise all the principles and rules of the proletarian revolution and dictatorship. Class struggle and contradiction are in their turn, a manifestation of the philosophy of conflict, which represents the several gods of Greece in their contradicting wills and desires and the revengeful god of the Hebrew - Christian culture."*

Walau pun mempunyai asas falsafah yang istimewa, kedua - dua sistem ekonomi Kapitalis dan Sosialis di atas adalah berasaskan kepada pandangan hidup sekular, sebuah fahaman yang memisahkan persoalan agama dengan kehidupan dunia. Permasalahan agama di dalam fahaman sekular telah disempitkan semata - mata kepada permasalahan individu. Dengan erti kata lain, kedua - dua sistem ekonomi Kapitalis dan Sosialis adalah sistem bebas nilai selaras dengan pemikiran beberapa ahli ekonomi konvensional mereka yang berpendapat bahawa (Monzer Kahf, 1978):

*"Man is a being (not a creature), a product of nature. His existence need not have any ultimate meaning - he is simply here and that is that. Humanity is the ultimate reality and the significance and ultimate aims of this life, if any, ought to be sought within life itself and not beyond it. The perfectibility of the human race is attainable without superhuman aid."*

## **PRINSIP EKONOMI ISLAM**

Beberapa prinsip umum sistem ekonomi Islam telah dikemukakan oleh Khurshid Ahmad (1986) dan Dr. Hailani Muji Tahir (1990). Di antara prinsip - prinsip umum adalah:

### **(a) Persaudaraan dan Keadilan**

Islam melihat persaudaraan tidak dibataskan oleh perbezaan keturunan, bangsa dan sempadan geografi di mana ianya lebih bersifat sejagat. Begitu juga dengan kegiatan ekonomi di dalam Islam yang dilaksanakan berasaskan kepada prinsip persaudaraan. Prinsip ini mendorong kepada rasa tolong - menolong, kerjasama dan permuafakatan. Akibatnya, pertumbuhan ekonomi akan dapat ditingkatkan selain daripada penggunaan sumber - sumber secara efisyen.

Konsep persaudaraan ini juga berkait rapat dengan prinsip keadilan yang ditekankan oleh Islam termasuklah kegiatan ekonomi. Prinsip keadilan yang dimaksudkan merujuk kepada perletakkan sesuatu kena pada tempatnya atau memberikan sesuatu kepada yang berhak untuk menerimanya. Contohnya, adil di dalam pembahagian harta dan sumber alam bagi membolehkan hasil keluaran, pemerolehan dan penggunaan harta serta kekayaan dapat diseimbangkan dengan kehendak setiap unit ekonomi dalam masyarakat mengikut nilai - nilai Islam.

### **(b) Kebebasan**

Di dalam Islam, wujud kebebasan untuk memilih dan membuat keputusan seperti pemilikan harta oleh individu. Islam tidak menafikan hak umatnya untuk

berusaha mencari harta kurniaan Allah SWT walau sebanyak mana kerana Islam percaya bahawa melalui pemilikan harta dan kekayaan, umatnya akan dapat melaksanakan lain - lain tuntutan agama seperti mengeluarkan zakat atau menunaikan fardu haji. Selain itu, setiap individu juga diberi hak untuk memilih dan memiliki harta yang bersesuaian dengan keperluan diri masing - masing asalkan ianya tidak menjasaskan kepentingan masyarakat seperti mana firman Allah SWT di dalam Surah Al - Jumu'ah, ayat 10, yang bermaksud:

*"Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing - masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak - banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat)."*

Sistem ekonomi Kapitalis juga turut menganjurkan kebebasan individu dalam pemilikan dan penggunaan harta serta kekayaan, tetapi ianya berbeza dengan sistem ekonomi Islam. Umpamanya, di dalam Islam, pemilikan harta dan kekayaan oleh individu adalah amanah Allah SWT kerana semua yang ada di langit, di bumi mahupun di antara keduanya adalah milik mutlak Allah SWT. Di dalam Islam, manusia hanya perlu bertindak sebagai pemegang amanah seperti mana firman Allah SWT di dalam Surah Al - Baqarah, ayat 284, yang bermaksud:

*"Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi adalah kepunyaan Allah. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hati kamu atau kamu menyembunyikannya, nescaya Allah akan menghitung dan menyatakannya kepada kamu. Kemudian ia mengampunkan bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan menyiksa sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang - undang peraturanNya). Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa atas tiap - tiap sesuatu."*

Oleh sebab harta serta kekayaan yang dimiliki individu adalah merupakan amanah Allah SWT, maka mereka bebas menggunakan di dalam batas - batas yang telah digariskan melalui hukum halal dan haram serta nilai - nilai Islam.

(c) Khalifah Allah SWT

Di sinilah terletaknya peranan manusia Islam sebagai wakil Allah SWT di dunia. Sebagai khalifah Allah SWT, manusia bertanggungjawab untuk mengatur dan mengurus sumber - sumber alam secara cekap, adil dan tidak membazir supaya tidak terjerumus ke dalam kebinasaan. Allah SWT di dalam Surah Al - Baqarah, Ayat 195, berfirman yang bermaksud:

*"Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil), dan baikilah (dengan sebaik - baiknya segala usaha dan perbuatan kamu), kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang berusaha memperbaiki amalannya."*

Dalam erti kata lain, konsep kekhilafahan menggerakkan setiap muslim agar terlibat dalam meningkatkan pembangunan dan kemakmuran ekonomi secara aktif. Malah, Islam memberikan tempat yang istimewa kepada mereka yang

terlibat di dalam kegiatan perniagaan dan perdagangan sehingga di dalam sebuah hadis pernah disebutkan bahawa sembilan per sepuluh rezeki datangnya dari kegiatan perniagaan.

(d) Tazkiyyah

Konsep tazkiyyah adalah merujuk kepada penyucian jiwa berlandaskan Islam. Dalam erti kata lain, prinsip ini merujuk kepada usaha berterusan seorang muslim di dalam memastikan bahawa segala aktiviti ekonomi yang mereka lakukan berada di dalam rangka penyucian sama ada material maupun spiritual.

Contohnya, pengeluaran zakat oleh seorang Islam yang kaya. Beliau sedar bahawa sebahagian daripada harta kekayaan yang dimilikinya adalah hak fakir miskin dan mereka yang memerlukan. Selagi sebahagian daripada harta itu tidak dizakatkan kepada yang berhak, maka selama itulah harta kekayaan dan dirinya dianggap tidak suci. Oleh itu, melalui pengeluaran zakat secara tidak langsung, beliau akan dapat menyucikan harta dan dirinya. Melalui penghayatan tazkiyyah juga, seseorang itu akan dapat memperolehi 'Al - Falah,' yakni kejayaan mutlak di dunia maupun di akhirat.

Muhammad Ariff di dalam Zakariya Man (1989), merumuskan maksud tazkiyyah yang berkaitan dengan ekonomi sebagai:

- (i) *One is to earn his living in a halal way and spend it this way too as mentioned in Surah Al - Baqarah, verse 168.*
- (ii) *Rizq - e - Halal demands not only the use of halal means of income but also hard work to earn a living. Hard work leads to higher productivity. Higher productivity brings prosperity to the individual and economic growth to the society as a whole.*
- (iii) *The purpose of all economic decisions undertaken by anyone is to make these decisions in such a way as to earn the approval of Allah.*

## **MASALAH - MASALAH ASAS EKONOMI**

Ekonomi konvensional biasanya mengandaikan bahawa sumber - sumber ekonomi adalah terhad sedangkan kehendak - kehendak manusia pula tidak terhad. Kesannya, wujudlah masalah kekurangan, yang menjadi konsep asas kepada pengkajian ilmu ekonomi. Masalah kekurangan yang diketengahkan oleh ahli - ahli ekonomi konvensional merujuk kepada kekurangan relatif dan bukannya kekurangan mutlak.

Kekurangan mutlak merujuk kepada sifat mutlak sesuatu objek atau benda yang tidak ada kaitan dengan kehendak manusia terhadapnya. Kekurangan mutlak berlaku apabila sesuatu barang atau sumber tersedia di dalam kuantiti yang sedikit. Manakala, kekurangan relatif pula merupakan perbandingan di antara apa yang tersedia kepada manusia dengan kehendak mereka yang tidak pernah terhad. Walau pun kuantiti yang tersedia adalah sedikit, ianya tidak akan berkurang apabila tidak wujud kehendak manusia terhadapnya.

Dalam hal ini, kedua - dua pandangan dan pendapat sistem ekonomi konvensional dan Islam adalah hampir selari. Secara jelas, Islam menolak konsep kekurangan mutlak kerana menurut pandangan Islam, sesungguhnya Allah SWT telah mencipta dan menganugerahi manusia dengan sumber yang tidak terhitung banyaknya selaras dengan Surah Al - Furqaan, ayat 2, firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Tuhan yang menguasai pemerintahan langit dan bumi, dan yang tidak mempunyai anak, serta tidak mempunyai sebarang sekutu dalam pemerintahannya, dan Dia adalah yang menciptakan tiap - tiap sesuatu lalu menentukan keadaan makhluk - makhluk itu dengan ketentuan takdir yang sempurna."*

Di dalam Surah Al - Nahl pula, ayat 18, firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Dan jika kamu menghitung nikmat Allah (yang dilimpakkannya kepada kamu), tiadalah kamu akan dapat menghitungnya satu per satu, sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi."*

Islam mengakui wujudnya kekurangan relatif. Ini adalah kerana Islam menyedari bahawa sumber ekonomi yang Allah SWT kurniakan kepada manusia tidak tersedia dalam bentuk yang sesuai untuk penggunaan manusia tanpa melibatkan usaha mereka sendiri. Implikasi daripada wujudnya kekurangan relatif ini menyebabkan manusia Islam tidak dapat memenuhi segala kehendak dan keperluan mereka. Oleh itu, mereka terpaksa membuat pilihan terhadap penggunaan sumber agar iaanya digunakan sebaik mungkin untuk memenuhi kehendak - kehendak mereka setinggi mungkin.

Ahli - ahli ekonomi konvensional pula berpendapat bahawa masalah kekurangan relatif yang berlaku adalah disebabkan oleh masalah sumber yang terhad dan bukannya masalah manusia. Berbeza dengan pendapat ahli - ahli ekonomi konvensional, di dalam Islam antara lain yang menyebabkan wujudnya kekurangan relatif adalah:

- (a) Ketidakupayaan manusia untuk menggunakan sumber yang telah dikurniakan Allah SWT secara cekap kerana ketidakmampuan dan ilmu yang terbatas.
- (b) Kelalaian dan kecuaian manusia meneroka alam disebabkan oleh sikap negatif mereka terhadap nikmat Allah SWT.
- (c) Kezaliman manusia (seperti salahguna dan salah tadbir) di dalam peruntukan sumber dan pengagihan kekayaan.

Masalah kekurangan relatif seterusnya membawa kepada empat masalah asas ekonomi yang dihadapi oleh setiap masyarakat iaitu:

- (a) Barangan apa yang hendak dikeluarkan?
- (b) Berapa banyak barangan yang hendak dikeluarkan?
- (c) Bagaimana barangan itu hendak dikeluarkan?
- (d) Untuk siapa barangan tersebut dikeluarkan?

Bagi menyelesaikan masalah asas ekonomi di atas, Islam telah menentukan sumber perundungan yang utama berlandaskan Al - Quran dan Al - Sunnah (yang dikenali

sebagai Usul Al - Fiqh) sebagai panduan. Kaedah tertentu seperti Al - Masalih Al - Mursalah pula akan digunakan bagi masalah baru yang tidak disebut secara khusus di dalam kedua - dua sumber tersebut.

Prof. Madya Dr. Mohd. Nor bin Ngah (1990) di dalam tulisannya bertajuk ‘*Perkaitan Antara Usul Al - Fiqh Dengan Ta’kulan Teori Ekonomi*,’ berpendapat untuk menyelesaikan masalah barang apa yang hendak dikeluarkan, Islam tidaklah rigid di dalam menentukannya asalkan ianya tidak tergolong dalam barang yang telah jelas diharamkan. Ianya bersesuaian dengan kaedah Usul Al - Fiqh, ‘*Asal bagi sesuatu adalah harus hingga ada dalil yang menunjukkan haramnya;*’ berdasarkan kepada hadis yang bermaksud:

*“Perkara yang dihalalkan oleh Allah adalah halal, perkara yang diharamkan adalah haram dan perkara yang didiamkan daripadanya adalah dimaafkan, maka terimalah kamu kemaafannya kerana Allah tidak mungkin lupa terhadap sesuatu.”*

Kaedah Al - Masalih Al - Mursalah digunakan bagi menyelesaikan masalah bagaimana barang itu hendak dikeluarkan. Contohnya, di dalam penghasilan sumber tenaga. Sekiranya pengeluaran tenaga elektrik hidro boleh menyebabkan kemusnahan yang lebih besar kepada alam sekitar, maka kaedah lain terpaksalah digunakan walau pun ianya akan meningkatkan kos pengeluaran. Kaedah yang digunakan ialah, ‘*Harus melakukan kemudaratian yang lebih ringan.*’

Bagi menyelesaikan masalah untuk siapa barang tersebut dikeluarkan, maka Islam melihat kepada kepentingan (*‘maslahat’*) umum, yakni Islam mendahuluikan kepentingan (*‘maslahat’*) umum berbanding dengan kepentingan (*‘maslahat’*) khas. Misalnya, pengeluaran barang makanan dan pakaian untuk seluruh rakyat terutama yang miskin dan tidak berkeupayaan mestilah didahuluikan dari pengeluaran barang mewah untuk segelintir masyarakat.

Di dalam sistem ekonomi Islam, adalah menjadi tanggungjawab kedua - dua masyarakat dan kerajaan (negara) untuk mengurangkan jurang perbezaan pendapatan di antara anggota masyarakat yang kaya dengan yang miskin. Oleh itu, Islam telah merangkumkan pengkaedahannya dalam ajaran Islam sendiri seperti pemberian zakat, sedekah, waqaf dan faraid.

## **KESIMPULAN**

Perbincangan di atas telah memperlihatkan bagaimana Islam memberikan perhatiannya terhadap persoalan - persoalan yang berkaitan dengan kegiatan ekonomi. Bersesuaian dengan sifat Islam sebagai agama yang menyeluruh lagi sempurna, Islam tidak memisahkan kegiatan ekonomi daripada kehidupan beragama, walau pun pada zahirnya ahli - ahli ekonomi konvensional menganggap bahawa kegiatan ekonomi adalah merupakan kegiatan manusia semata - mata di dalam menggunakan sumber - sumber terhad untuk tujuan pengeluaran, pengagihan dan penggunaan.

Lebih daripada itu, Islam melihat pengkajian ilmu ekonomi sebagai suatu disiplin ilmu yang tidak terlepas daripada nilai - nilai moral. Tambahan pula ianya bersifat kudus (*‘sacred’*). Manusia Islam meyakini bahawa sains dan moral merupakan dua unsur yang saling berkaitan dan penting dalam membina sebuah tamadun

yang sempurna dengan pencapaian kemajuan yang menyeluruh. Hal ini turut diakui oleh seorang pemikir barat, Arnold Toynbee di dalam Aedit Ghazali dan Syed Omar (1989) yang menyatakan bahawa:

*"Manusia itu adalah jenis makhluk yang mempunyai kehormatan, pengertian dan daya usaha. Semua doktrin dan juga teori yang berlandaskan benda atau kebendaan tidak akan mampu mencapai ketinggian rohaniah untuk manusia seperti yang diberikan kepadanya oleh ajaran agama."*

## RUJUKAN

- Aedit Ghazali dan Syed Omar. 1989. *Readings in the Concept and Methodology of Islamic Economics*. Ed. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Case, K. E. and Fair, R. C. 1992. *Principles of Economics*. Second Ed. New York: Prentice Hall.
- Hailani Muji Tahir. 1990. Disiplin Ekonomi Islam: Di antara Teori dan Amalan. *Kertas Kerja Dibentangkan Dalam Seminar Islam Di Pusat - Pusat Pengajian Tinggi ASEAN II (Islam dan Sains Sosial)* UKM. 10 -11 November.
- Kahf. Monzer. 1978. *The Islamic Economy: Analytical Study of the Functioning of the Islamic Economic System*. Plainfield, Indiana: Muslim Students Association of US and Canada.
- Khurshid Ahmad. 1986. *Islamic Perspective: Studies in Honour of Maulana Sayyid Abul A'la Maududi*. Ed. United Kingdom: The Islamic Foundation.
- M. Akram Khan. 1983. *Issues in Islamic Economics*. Lahore: Islamic Publications Ltd.
- M. A. Mannan. 1980. *Islamic Economics: Theory and Practise*. Lahore: Sh. Muhammad Ashraf.
- Masudul Alam Choudhury. 1986. *Contributions to Islamics Economic Theory: A Study in Social Economics*. Hong Kong: The MacMillan Press Ltd.
- Mohd Nor Ngah. 1990. Perkaitan Antara Usul Al - Fiqh Dengan Ta'kulah Teori Ekonomi. *Kertas Kerja dibentang dalam Seminar Pengarah Ekonomi Islam*, Langkawi. 20 - 22 Julai.
- Muhammad Abdul Munim Al - Jammal. 1992. *Ensiklopedia Ekonomi Islam* (Jilid 10). Salahuddin Abdullah (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Umar Chapra. 1979. *The Islamic Economic Order*. United Kingdom: The Islamic Foundation.

- Muhammad Uthman El - Muhammady. 1982. *Peradaban Dalam Islam*. Kelantan: Pustakaan Aman Press.
- Muhammed Nejatullah Siddiqi. 1979. *The Islamic Economics Enterprise*. Lahore: The Islamic Publications Ltd.
- Samuelson N. P. and Nordhaus W. D. 1985. *Economics*. Twelth Ed. USA: McGraw Hill.
- Surtahnan K. H. 1990. *Ekonomi Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib Al - Attas. 1978. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Tafsir Pimpinan Ar - Rahman Kepada Pengertian Al - Quran*. 1988. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Zakariya Man. 1989. Definisi, Masalah dan Kerasionalan Ekonomi. Kertas Kerja *Dibentangkan Dalam Kursus Ekonomi Islam*, Shah Alam. 20 - 23 September.